

## **TUGAS CALON YANG TIDAK DAPAT MENGAMBIL PEPERIKSAAN**

Seseorang calon yang tidak dapat mengambil peperiksaan mana-mana kursus yang didaftarkanya hendaklah memberi sebab kegagalan menghadiri peperiksaan (secara bertulis kepada Pendaftar) disokong oleh dokumen-dokumen yang sah, jika ada, sebelum atau dalam masa tujuh (7) hari selepas peperiksaan kursus berkenaan dijalankan. Kegagalan untuk berbuat demikian akan dianggap bahawa ianya tidak mempunyai sebarang alasan yang sah dan berkemungkinan ianya diberi gred 'F' bagi kursus tersebut.

Seseorang calon yang gagal menghadiri semua kertas peperiksaan tanpa sebab yang dapat diterima oleh Jawatankuasa Pemeriksa Universiti ataupun tanpa kelulusan Jawatankuasa terlebih dahulu, akan dianggap gagal keseluruhan peperiksaan.

## **SYARAT – SYARAT MEMOHON PEPERIKSAAN GANTIAN**

- I. SAKIT : Sila kemukakan borang permohonan peperiksaan gantian bersama dengan sijil cuti sakit/rekod perubatan daripada Hospital/Klinik Kesihatan/Swasta [permohonan akan diluluskan sekiranya tarikh peperiksaan sama dengan tarikh sijil cuti sakit]
- II. BERSALIN: Sila kemukakan borang permohonan peperiksaan gantian bersama dengan rekod perubatan daripada Hospital/Klinik Kesihatan/Swasta.
- III. KEMATIAN: Sila kemukakan borang permohonan peperiksaan gantian bersama sijil kematian waris terdekat sahaja. [hanya diberikan tiga (3) hari sahaja tempoh pelepasan bagi semua kaum]
- IV. TUGAS RASMI : Sila kemukakan borang permohonan peperiksaan gantian bersama surat arahan bertugas daripada majikan [permohonan akan diluluskan sekiranya tarikh peperiksaan sama dengan tarikh tugas rasmi]
- V. PERKAHWINAN : Sila kemukakan borang permohonan peperiksaan gantian bersama kad undangan perkahwinan [majikan [permohonan akan diluluskan sekiranya tarikh peperiksaan sama dengan tarikh perkahwinan sahaja]
- VI. Walaubagaimanapun, hal – hal lain seperti :
  - ✓ Mengerjakan umrah/haji
  - ✓ Menghadiri kes – kes mahkamah
  - ❖ Diluluskan untuk permohonan peperiksaan gantian dengan mengemukakan bukti/dokumen sokongan kukuh.
- VII. Gred F (gagal tidak bertebus) akan diberikan kepada pelajar yang tidak hadir peperiksaan gantian.
- VIII. Permohonan peperiksaan gantian diberikan dua (2) kali sahaja bagi kursus yang sama [sekiranya pelajar memohon peperiksaan gantian bagi kursus yang sama buat kali ketiga, pelajar tersebut dikehendaki mengulang kembali kursus tersebut seperti biasa]